

PBS takut hilang pengaruh: PM

B.H. 13 NOV 1992

KUALA LANGAT, Khamis — Parti Bersatu Sabah (PBS) menolak untuk berdebat dengan Umno mengenai Perjanjian 20 Perkara kerana parti itu takut hilang pengaruh di kalangan rakyat Sabah, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno berkata, Umno berhak berdebat mengenai isu itu kerana ahlinya juga ramai di Sabah dan isu itu membabitkan kepentingan negara.

Dalam hubungan ini, katanya, Ketua Menteri Sabah yang juga Presiden PBS, Datuk Joseph Pairin Kitingan, bukan saja tidak mahu supaya syarat itu dikaji semula malah menggunakan isu berkenaan untuk menghasut rakyat.

"Jadi yang dia (Pairin) takut ialah kalau kita dedahkan apa yang sebenarnya telah dipersejutujui, maka dia tidak dapat hasut rakyat Sabah," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Fasa I dan pelancaran Fasa II Kompleks Kilang Kertas Genting Sanyen (M) Sdn Bhd. di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Pairin semalam yang menolak cabaran Umno supaya PBS berdebat dengannya mengenai isu Perkara 20.

Menurut Dr Mahathir, Umno mulanya tidak mahu berdebat

mengenai isu itu tetapi berbuat demikian selepas PBS menyebarkan pelbagai kenyataan dan menjadikannya modal untuk mencari pengaruh di kalangan rakyat Sabah.

Beliau berkata, syarat yang di-Aenakan kepada Sabah dan Sarawak lebih baik daripada syarat kepada negeri lain dalam Persekutuan.

Sehubungan itu, kata Perdana Menteri, kerajaan akan meneruskan kajian terhadap Perkara 20 kerana menurut perjanjian sebelum ini, kajian semula perlu dilakukan selepas 10 tahun.

"Dia tidak mahu perkara ini diselesaikan kerana selagi ada isu ini, maka dia boleh gunakan untuk kepentingan partinya. Sepatutnya, dalam Persekutuan yang semacam ini, syaratnya mesti sama.

"Sudah lebih 20 tahun, kita masih hadapi masalah ini. Kalau dia tidak mahupun kita akan teruskan kajian Eerana itu peruntukan dalam perjanjian.

"Kalaupun mahu diadakan pungutan suara, kena buat seluruh Malaysia. Janganlah buat pungutan suara hanya untuk PBS saja," katanya.

Sementara itu, Timbalan Presiden Umno, Ghafar Baba mengingatkan Parti Bersatu Sabah-

LIHAT MUKA 2

Umno sedia teruskan hasrat debat

DARI MUKA 1

(PBS) supaya jangan lagi membangkitkan isu Perjanjian 20 Perkara jika parti itu enggan berdebat secara terbuka membahaskan isu itu dengan Umno.

Beliau berkata, Umno mencadangkan debat terbuka itu bagi menjelaskan pelbagai kekeliruan yang sengaja ditimbulkan PBS untuk menggagalkan integrasi nasional dan memecahbelahkan rakyat.

Sehubungan itu, katanya, Umno tidak akan berdiam diri dan akan terus mencadangkan debat terbuka sebagai penyelesaian selagi PBS membangkitkan isu Perjanjian 20 Perkara itu.

"Sebagai permulaan, Umno akan menghantar surat rasmi mempelawa PBS mengadakan debat terbuka walaupun kita agak dukacita kerana mereka awal-awal lagi menolaknya melalui akhbar.

"Penolakan itu bertujuan membiarkan masalah berkenaan berterusan walaupun mereka menyedari hakikat sebenarnya. Oleh itu, kita meminta mereka jangan membangkitkan lagi isu Perjanjian 20 Perkara itu," katanya.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas menerima kunjungan hormat ahli politburo Parti Komunis Vietnam, Vu Oanh yang diiringi dutanya ke negara ini, Ngo Tat Tho.

Semalam, Presiden PBS, Datuk Joseph Pairin Kitingan yang juga Ketua Menteri Sabah, menolak cadangan itu.

Ghafar berkata soal campurtangan politik yang dibangkitkan Ketua Menteri Sabah itu tidak timbul kerana Umno turut mewakili sebahagian besar rakyat negeri itu.

Menurutnya, dakwaan itu hanyalah gimik politik bertujuan mengelirukan rakyat, terutama orang kampung yang sudah tentu menyangka Pairin sebagai Ketua Menteri bertanggungjawab.